

# **MAKLUMAN**

**Pembayar Duti yang dihormati**

Sukacita dimaklumkan bahawa Sistem Frangki Digital (SFD) akan dilaksanakan pada 12 Mei 2011 (Khamis) untuk menggantikan penyeteman surat cara secara setem tertera (franking merah).

Penyeteman menggunakan SFD ini boleh digunakan untuk :

- i. Surat cara selain daripada kes-kes pindah milik yang menggunakan STAMPS dan kes-kes pindah milik yang telah ditaksir di Pejabat Tanah.
- ii. Kaedah bayaran yang dibenarkan ialah dengan menggunakan Tunai / Deraf Bank / Kiriman Wang / Wang Pos sahaja.

Walau bagaimanapun, permohonan dalam talian "STAMPS" masih merupakan kaedah penyeteman utama dan SFD adalah merupakan kaedah penyeteman alternatif.

Kerjasama tuan / puan amat dihargai dan sebarang kesulitan dihadapi amat dikesali.

Sekian, terima kasih.

**Daripada:**

**Pengarah Jabatan Operasi Cukai  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

### **Penggunaan Docket**

- i. Hanya satu docket digunakan iaitu **PDS 1(Pin. 2011)**. Docket ini juga terpakai untuk **STAMPS dan SIS**. Docket ini perlu diisi dengan lengkap oleh pemohon. Contoh docket seperti di **Lampiran 2**.

---

Satu docket dihadkan kepada **30** surat cara. Sekiranya ruangan tidak mencukupi, pemohon perlu mengemukakan **lampiran**.

### **Docket perlu diisi dengan lengkap. Maklumat yang perlu dimasukkan ialah:**

- a. Jenis Penyeteman
- b. Jenis Surat Cara
- c. Tarikh Surat Cara
- d. Tempoh Kontrak (sekiranya berkaitan)
- e. Nilai Balasan (sekiranya berkaitan)
- f. Nama Pihak Pertama / Pemberi
- g. Nama Pihak Kedua / Penerima

### **Cara Bayaran**

- i. Cara bayaran yang dibenarkan hanyalah dalam bentuk Tunai / Deraf Bank / Kiriman Wang / Wang Pos. Hanya satu cara bayaran bagi satu docket. **Campuran cara bayaran tidak dibenarkan.**
- ii. Jika bayaran dalam bentuk Deraf Bank / Kiriman Wang / Wang Pos, **hanya satu keping** Deraf Bank / Kiriman Wang / Wang Pos bagi satu docket.

### **Ketebalan Dokumen**

Diperingkat awal pelaksanaan ketebalan dokumen adalah dicadangkan tidak melebihi **10 helai muka surat**.





**Catatan Untuk Borang PDS 1:**

Borang ini hendaklah diisi oleh pembayar duti / ejen / firma yang mewakili pihak yang kena membayar duti setem termasuk penalti di bawah Seksyen 47A, Akta Setem 1949. Ia hendaklah diisi untuk semua surat cara, kecuali surat cara pindah milik harta tanah. Sila isikan butiran-butiran berikut dengan lengkap.

1. Nama PSC/PKH yang dipilih.
2. Jika pemohon:
  - i. Individu - nyatakan nama penuh dan alamat
  - ii. Ejen/wakil - nyatakan nama firma dan alamat perniagaan
3. Nyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan dan nombor telefon pembawa yang menguruskan proses penyeteraman surat cara.
4. Isikan nombor adjudikasi setiap surat cara (bagi kes STAMPS dan SIS).
  - i. Jika surat cara prinsipal, nombor adjudikasi surat cara prinsipal sahaja
  - ii. Jika surat cara subsidiari, nombor adjudikasi surat cara prinsipal dan subsidiari
5. Nyatakan butiran transaksi berkaitan nama pihak pertama/pemberi dan nama pihak kedua/penerima
6. Nyatakan jenis surat cara yang ingin disetamkan dan bilangan asal dan/atau salinan.
7. Nyatakan tarikh surat cara
8. Jika penyeteraman melibatkan surat cara berikut, perlu nyatakan
  - (a) Surat cara pajakan atau perjanjian sewa – jumlah sewa setahun dan tempoh pajakan
  - (b) Suratacara perjanjian pinjaman – jumlah pinjaman atau balasan
  - (c) Kes peremitan atau pengecualian – seksyen atau warta yang berkaitan
  - (d) Lain-lain jika berkaitan
9. Nyatakan butiran harta / gadaian bagi kes pindah milik harta tanah / gadaian
10. Taksiran duti yang dikenakan ke atas surat cara.
11. Kirakan penalti di bawah Seksyen 47A, Akta Setem 1949.
12. Jumlah duti kena dibayar (nombor 10 + nombor 11)
13. Pemohon atau ejen atau wakil yang menguruskan proses penyeteraman surat cara ini perlu menandatangani, menurunkan cap nama peguam dan tarikh di bahagian ini.

**14, 15, 16, 17, 18 : Untuk kegunaan pejabat sahaja**